Norhardi Bin Saad

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 13 February, 2024 3:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CeTMA LAHIRKAN 39 JURULATIH KAJIAN KUALITATIF DAN PERISIAN ATLAS.ti

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliab
DIGITAL INFORMAT

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT M

13 FEBRUARI 2024 / 3 SYAABAN 1445H
==========

Oleh: Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA)

CeTMA LAHIRKAN 39 JURULATIH KAJIAN KUALITATIF DAN PERISIAN ATLAS.ti


Amelia Nur Natasha Nazeri
Felicia
Cohost
Astiwi Indriani
Che Mazni Sidek
Fiza
Hanis Zainol
hasna hashim
Hasri
Hilmi
Husna
ATLAS.ti @
CRASH COURSE
Learn the basics of ATLAS.ti 23 in only 1-hour!
UUM
Universiti Utara Malaysia
WHEN
26 August 2023
(Saturday)
TIME
10AM to 11AM
PLATFORM
Cisco Webex
WHAT WILL BE COVERED?
Overview of ATLAS.ti
Project management in ATLAS.ti
Importing documents
Segmenting the data (Codings, including AI coding)
Reflections/Thoughts (Comments)
Codes management
Visualisations
Outputs for reporting
Backups
SPEAKER
ASSOC. PROF. DR. ANI MUNIRAH MOHAMAD
SENIOR RESEARCH FELLOW, CeTMA UUM
LECTURER, SCHOOL OF LAW, UUM
CERTIFIED ATLAS.ti SENIOR TRAINER
Nurul Syazwani ...
SHATINA BINTI ...
Mohd Hasni
Syarah Syahira
PM Dr. Ani Munirah M...
7 of 7 Module
ATLAS.ti for
Qualitative Analysis
Ani Munirah Mohamad
Senior Research Fellow, CeTMA, UUM
Lecturer, School of Law, UUM
Researcher, CLIMATE, UUM
Certified ATLAS.ti Senior Professional Trainer
E-mail: dranimunirah@gmail.com

UUM ONLINE: Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA) Universiti Utara Malaysia telah melahirkan 39 jurulatih kajian kualitatif dan perisian berkomputer ATLAS.ti.

Kesemua jurulatih tersebut yang merupakan pensyarah dan penyelidik pascasiswazah dari 11 institusi pengajian di Malaysia telah menyempurnakan program “Training of Trainers (ToT)”.

Program tersebut dibimbing oleh dua pakar kualitatif iaitu Prof. Madya Dr. Sarimah Shaik Abdullah, pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan (SOE) UUM dan Prof. Madya Dr. Ani Munirah Mohamad, pensyarah Pusat Pengajian Undang-undang (SOL) UUM dan juga felo penyelidik kanan CeTMA.

Program TOT ini telah berlangsung secara dalam talian selama 5 bulan, dari bulan Julai sehingga Disember 2023.

Peringkat pertama program ini memberi pendedahan secara intensif. Dr. Sarimah membentangkan asas kualitatif dan strategi mengajar ilmu kualitatif kepada para penyelidik.

Manakala Dr. Ani berkongsi tip dan strategi untuk mengajar perisian kualitatif berkomputer ATLAS.ti. Perisian ATLAS.ti ialah perisian analisis tekstual, gambar, audi dan audio bagi membantu para penyelidik menganalisis data secara kualitatif.

Dr. Ani juga merupakan jurulatih kanan profesional yang ditauliahkan oleh pihak ATLAS.ti Scientific Development GmbH yang berpengkalan di Berlin, Jerman.

Peringkat kedua program ini ialah pelaksanaan program latihan atau kursus kualitatif dan ATLAS.ti oleh peserta TOT kepada komuniti masing-masing.

Para peserta TOT boleh mengajar kursus atau bengkel masing-masing secara bersemuka atau dalam talian untuk mengasah kemahiran para jurulatih di samping menimba pengalaman sebagai jurulatih kualitatif dan ATLAS.ti.

Peringkat akhir program TOT ini ialah pembangunan eportfolio kejurulatihan masing-masing bagi mendedahkan kepakaran serta program latihan dan kursus yang ditawarkan oleh para peserta TOT kepada masyarakat umum.

Pengarah CeTMA, Prof. Madya Dr. Masnita Misiran mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kesemua 39 jurulatih kajian kualitatif dan perisian ATLAS.ti.

“CeTMA mempunyai kepakaran dan kemahiran untuk membimbing para penyelidik menjalankan kajian berbentuk kualitatif dan menganalisis data dengan dibantu perisian berkomputer ATLAS.ti.

“Diharapkan semua peserta TOT akan meneruskan tradisi CeTMA iaitu menyampaikan bengkel dan latihan berkualiti dalam aspek kajian kualitatif dan analisis data menggunakan perisian ATLAS.ti,” ujarnya ketika menyampaikan sijil tamat program TOT.

Susulan kejayaan program sulung TOT ini, permintaan telah meningkat untuk pengambilan Kohort 2. Oleh itu, pengambilan Kohort 2 untuk program TOT kajian kualitatif dan analisis data menggunakan perisian ATLAS.ti akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2024 dan akan dihebahkan melalui portal rasmi CeTMA.







Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.